

# Rakyat digalak berjimat

Perlu buat simpanan kecemasan dalam berdepan proses peralihan PKP

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

SHAH ALAM

**M**embuat simpanan kecemasan dan mengurus perbelanjaan dengan betul antara perkara yang perlu diberi keutamaan oleh rakyat dalam mengharungi proses peralihan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berperingkat yang dijangka sehingga Disember ini.

Dekan (Pengajian Siswazah, Jaringan Industri dan Masyarakat) Fakulti Ekologi Manusia, Universi-

ti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, persediaan itu penting bagi memastikan 'gangguan' kewangan lebih besar dapat dielak dalam tempoh enam hingga tujuh bulan mendatang.

Menurut beliau, dalam tempoh genting ini, rakyat perlu membuang sikap berbelanja untuk barang tidak perlu sebaliknya perlu mengamalkan sikap berjimat cermat.

"Kalau kita lihat kepada Pelan Pemulihan Negara yang digariskan kerajaan itu dijangka bulan Disember keadaan akan kembali pulih dan lebih banyak sektor ekonomi dan sosial dibuka.

"Tetapi dalam masa sama, kita juga perlu mengambil sikap lebih baik kita berhati-hati dalam berbelanja kerana kita tidak pasti adakah pandemik Covid-19 ini dapat dibendung sepenuhnya pada Disember. Kita sudah melalui tempoh ini hampir dua tahun dan tidak mustahil ia

akan terus berlarutan.

"Jadi, adalah sangat penting dan harus menjadi fokus kepada rakyat adalah membuat simpanan kecemasan dan mengurus perbelanjaan dengan betul," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai apa yang perlu dilakukan rakyat dalam mengharungi strategi peralihan berfasa keluar daripada kemelut pandemik Covid-19 yang ditetapkan kerajaan.

Jelasnya, dalam tempoh ini juga rakyat perlu membuang sikap berbelanja ikut kehendak tetapi harus berbelanja untuk keperluan penting.

"Pokok pangkalnya, kita sebagai individu atau rakyatlah yang akan mencorak kewangan kita, kalau ia diurus dengan baik, maka baiklah keadaan kewangan kita.

"Krisis ekonomi bukan sahaja di Malaysia tetapi turut berlaku di peringkat global," katanya.



MOHAMAD FAZLI SABRI

Orang ramai disaran membuat simpanan kecemasan dan mengurus perbelanjaan bagi mengharungi proses peralihan PKP secara berperingkat sehingga hujung tahun.